



EKONOMI

Syarikat Bersekutu Apex Healthcare Cadang Jual Pegangan Kepada Syarikat Singapura Bernilai Rm1.06 Bilion



28/04/2023 10:23 PM

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) – Syarikat bersekutu milik 40 peratus Apex Healthcare Bhd, Straits Apex Group Sdn Bhd (SAG) bercadang untuk menjual seluruh kepentingan ekuitinya dalam Straits Apex Sdn Bhd (SA) kepada Quadria Capital yang beribu pejabat di Singapura bernilai US\$240 juta (US\$1=RM4.46).

Apex Healthcare dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini berkata, SAG akan turut melabur semula dalam SA menerusi langganan ekuiti dan pusingan dalam pegangan baharu itu.

Menurut kumpulan penjagaan kesihatan itu, pertimbangan tersebut akan dilaksanakan melalui gabungan pembayaran kepada vendor secara tunai untuk dua peringkat, dan cadangan urus niaga itu dijangka dilaksanakan pada suku kedua 2023.




"SAG akan mempunyai kepentingan ekuiti efektif sebanyak 40 peratus dalam kumpulan syarikat SA, manakala baki 60 peratus kepentingan ekuiti efektif itu akan dipegang oleh Quadria.

"Apex Healthcare akan mempunyai kepentingan ekuiti efektif berjumlah 16 peratus dalam kumpulan syarikat SA (melalui SAG) dan seterusnya, akan memegang 40 peratus kepentingan ekuiti efektif dalam syarikat baharu atau NewCo," menurut makluman itu.

Menurutnya cadangan urus niaga itu akan memberi peluang kepada Apex Healthcare (melalui SAG) untuk mencungkil nilai pemegang saham dalam jangka panjang terhadap pelaburannya dalam kumpulan SA.

"Sehubungan itu, menerusi cadangan urus niaga tersebut, SAG akan berpeluang untuk menyertai pertumbuhan masa depan kumpulan SA bersama-sama dengan Quadria sebagai rakan kongsi, melalui 40 peratus kepentingan pegangan saham dalam NewCo," kata Apex Healthcare.

-- BERNAMA



Berita Berkaitan



Malaysia Lonjak 15 Anak Tangga Dalam Indeks Prestasi Logistik Bank Dunia 2023

Anak Syarikat Hong Seng Terima Kelulusan Kementerian Kesihatan Jalan Perniagaan Mco



Kondo Perfect Ten Baharu Di Singapura Tawar Satu Lagi Pilihan Kepada Pembeli Hartanah Malaysia

Lagi Berita



Pesara ATM Buka Syarikat Percetakan Sendiri Untuk Hapus Stigma



Sukan SEA: Trio Catur Ouk Chaktrang Lelaki Negara Kurang Menyerlah



Calon Pm Thailand, Selamat Melahirkan Bayi Lelaki Dua Minggu Sebelum Pru

BERNAMA

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

Wisma BERNAMA
No.28 Jalan BERNAMA
Off Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Malaysia

+603-2693 9933 (Talian Am)
helpdesk[at]bernama.com



Kategori

- Am
- Ekonomi
- Pasaran
- Sukan
- Politik
- Rencana
- Dunia
- Tinta Minda
- Infografik
- Video
- Images
- Siaran Media Eksklusif
- Arkib

Laman Mikro

- Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)
- Kesihatan
- Tenaga
- Tinta Minda
- Nam News Network (NNN)
- Webinar

Wilayah

- Tengah
- Utara
- Selatan
- Timur
- Sabah
- Sarawak

Lain-lain

- Laman Korporat
- Hubungi Kami
- Produk dan Perkhidmatan
- Kerjaya@BERNAMA
- Sebutharga / Tender